

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Negeri Sabah (PUKONSA) atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Kelas dan Gred pendaftaran yang berkaitan dan mempunyai Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB) dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:

Nombor dan Tajuk Tender	Bidang Kerja	Tempat & Tarikh Dokumen Tender Dijual	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Tender
<p>KKYS/CREATIVE INCUBATOR/3/ 2011</p> <p>KERJA-KERJA PENGUBAHSUIAN DAN KERJA-KERJA 'M&E' BAGI 22 LOT DI BANGUNAN WINDROSE SQUARE (FASA II), PENAMPANG BY-PASS UNTUK KOLEJ YAYASAN SABAH (KYS) BAGI PROJEK "PENUBUHAN PUSAT INKUBATOR PEMBANGUNAN KANDUNGAN KREATIF DI SABAH" DI BAWAH SABAH DEVELOPMENT CORRIDOR (SDC)</p>	<p>PUKONSA Kelas A, Tajuk II & Tajuk Kecil I</p> <p>ATAU</p> <p>PKK Kelas B, Kepala II, Sub-kepala I</p> <p>DAN</p> <p>Berstatus Bumiputera</p>	<p>Pejabat Ketua Eksekutif, Kolej Yayasan Sabah, City Campus, Sembulan, Jalan Ibu Pejabat JKR, Off Jln. Mat Salleh, 88100, Kota Kinabalu, Sabah Tel: 088-239498</p> <p>Tarikh : 6hb June 2012 (Rabu) Hingga 26hb June 2012 (Selasa)</p>	<p>RM 800.00</p> <p>(Tidak akan dikembalikan)</p>	<p>26hb June 2012 (Selasa)</p> <p>(Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari)</p>

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan diperolehi di Pejabat Ketua Eksekutif, Kolej Yayasan Sabah, City Campus, Sembulan, Jalan Ibu Pejabat JKR, Off Jln. Mat Salleh, 88100 Kota Kinabalu pada waktu pejabat.

Pembayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk **Wang Pos/Wang Kiriman Pos (Money Order)/Bank Draft/Cek** yang ditulis atas nama 'KKYS Sdn Bhd'.

Kontraktor-kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri :

1. Taklimat Tender akan dibuat dua kali iaitu pada **06hb dan 12hb June 2012, Jam 2.00 ptg** bertempat di Bilik Mesyuarat BOD, Tingkat Bawah, City Campus, Sembulan, Jalan Ibu Pejabat JKR, Off Jln. Mat Salleh, 88100 Kota Kinabalu.
2. Lawatan Tapak akan dilakukan selepas taklimat di bilik Mesyuarat BOD, Tingkat Bawah, City Campus, Sembulan, Kota Kinabalu.

Sebuah syarikat hanya boleh mewakili seorang sahaja iaitu pemilik atau wakil yang SAH sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak bagi syarikat dan wakil tersebut tidak boleh mewakili syarikat yang lain. Sila ambil perhatian bahawa dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor-kontraktor yang telah mengisi dan melengkapkan Borang Taklimat Tender & Lawatan Tapak.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada Pemilik atau Penama dalam lesen **PUKONSA** atau **PKK** yang sah yang menghadiri lawatan tapak sahaja. Kontraktor hendaklah membawa sijil pendaftaran ASAL PUKONSA atau PKK dan Sijil Pendaftaran LPIPM / CIDB serta Sijil Pengesahan Status Bumiputera daripada Kementerian Kewangan Malaysia semasa lawatan tapak dan membeli dokumen tender dan **SATU SALINAN** hendaklah diserahkan ke pejabat menjual tender untuk simpanan.

Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeterai serta di tulis **Nombor dan Tajuk Tender** di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada atau sebelum tarikh tutup tender di alamat :

Setiausaha,
Jawatankuasa Pembukaan Tender SEDIA, Lot 1,
Tingkat Bawah, Wisma SEDIA
Off Jalan Pintas Penampang,
88873 KOTA KINABALU, SABAH.
Tel : 088-450 650

Tarikh tutup tender adalah pada **26hb June 2012 (Selasa) Jam 12.00 tengah hari**. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.